

MALAYSIA

**GARIS PANDUAN DANA MUDAHCARA
(*FACILITATION FUND*)**

VERSI 4.0

**UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA
JABATAN PERDANA MENTERI**

MEI 2015

KANDUNGAN

Pengenalan	2
Misi dan Objektif	2
Kriteria dan Syarat Kelayakan	3
Projek yang layak dipertimbangkan	3
Projek yang tidak layak dipertimbangkan	4
Syarat kelayakan syarikat	5
Skop dan Pembiayaan Dana Mudahcara	6
Kaedah Penyaluran Dana Mudahcara	8
Kajian Semula dan Pindaan	8
Kaedah Permohonan	8
Senarai Lampiran	10
Lampiran 1A – Carta Aliran Proses Permohonan Dana Mudahcara	11
Lampiran 1B – Carta Aliran Proses Perjanjian Dana Mudahcara	12
Lampiran 2 – Format Kertas Cadangan	13
Lampiran 2A – Format <i>Preliminaries Detailed Abstract (PDA)</i>	16
Lampiran 2B – Format Perincian Komponen Dana Mudahcara	18
Lampiran 2C – Akuan Bersumpah	19
Lampiran 2D – Akuan bersumpah Kumpulan Profesional	20
Lampiran 2E – <i>Integrity Pact</i>	21
Lampiran 3 – Piagam Pelanggan	22

PENGENALAN

1. Kerajaan beriltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi melalui pendekatan baru yang mengambil kira semua aspek pentadbiran dan sumber sedia ada. Penglibatan dan komitmen sektor swasta yang lebih padu dilihat sebagai pemacu ke arah mencapai hala tuju ini. Beberapa prinsip utama telah dikenal pasti sebagai asas penentu ukuran hubungan sektor awam dengan swasta. Salah satu daripadanya adalah galakan dan insentif untuk merangsang inovasi dan produktiviti sektor swasta.

2. Selaras dengan itu, Kerajaan telah memperkenalkan Dana Mudahcara melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua Rancangan Malaysia Ke-9 ("RMKe-9") sebagai inisiatif Kerajaan untuk membantu menggalakkan pelaksanaan projek sektor swasta. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM20 bilion bagi Dana Mudahcara.

MISI DAN OBJEKTIF

3. Misi Dana Mudahcara adalah untuk merangsang pelaburan swasta dalam bidang-bidang keutamaan strategik dengan objektif seperti berikut:
 - 3.1. menyediakan sokongan untuk pelaburan baru swasta dalam bentuk *tipping point* sebagai insentif Kerajaan ke atas pelaburan yang direalisasikan;

 - 3.2. menumpu kepada bidang keutamaan strategik Negara;

 - 3.3. merangsang dan merealisasikan projek berskala sederhana dan besar dengan faedah ekonomi yang ketara;

- 3.4. meningkatkan keyakinan pelabur dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan; dan
- 3.5. memastikan idea terbaik sektor swasta diberi perhatian sewajarnya untuk menggalakkan inovasi dan persaingan.

KRITERIA DAN SYARAT KELAYAKAN

4. Projek yang **layak dipertimbangkan** untuk penyaluran Dana Mudahcara hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut:
 - 4.1. projek/pelaburan baru (*new investment*) yang memberikan impak strategik atau sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara termasuk projek-projek dalam sektor-sektor keutamaan yang telah dikenal pasti dalam *National Key Economic Areas* atau inisiatif di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) di mana kemajuan fizikal tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pembangunan projek/pelaburan baru;
 - 4.2. berdaya maju dari segi komersil dan *sustainable* dalam jangka panjang tanpa memerlukan bantuan Dana Mudahcara tambahan daripada Kerajaan; dan
 - 4.3. nilai pelaburan tetap projek (*fixed investment*) tidak termasuk kos tanah adalah seperti berikut:
 - (i) kos projek dalam lingkungan **RM100 juta** dan ke atas; atau
 - (ii) kos projek yang bernilai **RM50 juta** dan ke atas bagi sektor perkhidmatan kesihatan dan logistik; atau

- (iii) bagi pelaburan bumiputera yang bernilai di antara RM50 juta **hingga RM200 juta**, permohonan boleh dikemukakan melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri (TERAJU); atau
 - (iv) bagi projek pelaburan domestik yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar atau yang melibatkan teknologi hijau yang bernilai tidak kurang daripada **RM20 juta**.
- 4.4. Projek pembangunan bercampur atau projek pembangunan berkaitan pelancongan yang terbengkalai yang bebas daripada sebarang tindakan undang-undang. Pemohon juga perlu membuktikan pelaburan yang dilaksanakan merupakan pelaburan baru.
5. Projek-projek dengan ciri-ciri berikut **tidak layak dipertimbangkan** bagi penyaluran Dana Mudahcara:
- 5.1. projek dalam sektor kewangan/perbankan;
 - 5.2. projek melibatkan pembangunan hartanah (*property development*) yang dijual sepenuhnya **kecuali**:
 - (i) Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) yang diiktiraf Perbadanan PR1MA Malaysia; atau
 - (ii) Projek pembangunan hartanah di kawasan baru dibuka (*green field*) dan kawasan perumahan yang tidak mempunyai sebarang rangkaian kemudahan infrastruktur asas di kawasan sekitar yang kurang membangun (*less developed areas*). Komponen yang dipohon pula perlu mempunyai elemen *touch-point* dan memberi manfaat secara langsung kepada projek dan orang awam; atau

- (iii) Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang diluluskan/diperakukan oleh Jawatankuasa Khas PPA1M; atau
 - (iv) Pembangunan hartanah oleh Syarikat Melayu/ Bumiputera di atas tanah Rizab Melayu, tanah wakaf dan tanah adat.
- 5.3. projek di peringkat inkubator atau masih di peringkat penyelidikan dan pembangunan (R&D);
 - 5.4. projek pengambilalihan aset daripada syarikat sedia ada yang tidak melibatkan pelaburan baru (contoh: *take over, mergers & acquisitions*);
 - 5.5. projek yang telah mendapat peruntukan dan/atau dibiayai oleh geran lain yang disediakan oleh Kerajaan bagi pembangunan projek;
 - 5.6. projek-projek perolehan Kerajaan;
 - 5.7. projek pelaburan di luar negara;
 - 5.8. projek yang mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap bantuan kewangan Kerajaan;
 - 5.9. projek yang mempunyai risiko yang sebahagian besar perlu ditanggung oleh Kerajaan; atau
 - 5.10. permohonan dana tambahan bagi projek-projek Dana Mudahcara yang telah diluluskan.

6. Syarikat yang memohon Dana Mudahcara hendaklah memenuhi **kriteria dan syarat kelayakan** seperti berikut:

- 6.1. syarikat hendaklah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya sebanyak RM300,000.00 semasa perjanjian ditandatangani;
- 6.2. mempunyai hak milik ke atas tanah yang akan dibangunkan atau hak untuk melaksanakan projek atas tanah yang dicadangkan (seperti *joint venture agreement*, *Power of Attorney*, pajakan);
- 6.3. telah memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kelulusan mandatori dari lain-lain agensi berkaitan bagi memulakan pelaksanaan projek;
- 6.4. mempunyai kapasiti, keupayaan, kemahiran/kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan projek yang dicadangkan; dan
- 6.5. mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta berkeupayaan untuk mendapatkan pembiayaan komersil bagi pelaksanaan projek.

SKOP PEMBIAYAAN DANA MUDAHCARA

7. Pembiayaan Dana Mudahcara adalah seperti berikut:

- (i) Pelaburan baru swasta: sehingga **10%** daripada kos projek atau maksimum **RM200 juta** (yang mana lebih rendah); atau
- (ii) Pelaburan bumiputera melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera, JPM (TERAJU) sehingga **15%** daripada kos projek atau maksimum **RM30 juta** (yang mana lebih rendah); atau

- (iii) Projek yang melibatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar atau teknologi hijau sehingga **15%** daripada kos projek atau maksimum **RM200 juta** (yang mana lebih rendah); atau
- (iv) Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Sehingga **25%** daripada kos pembangunan (kos projek) bagi menampung perbezaan harga kos dengan harga yang ditawarkan bagi setiap unit rumah.

8. Dasar pemberian bantuan Dana Mudahcara adalah berasaskan single customer limit iaitu terhad kepada jumlah RM200 juta bagi setiap syarikat.

9. Single customer limit didefinisikan seperti berikut:

Individu (pemegang saham) tersebut mempunyai kaitan dalam syarikat:

- Syarikat Induk (*holding company*); atau
- Anak Syarikat (*subsidiary*) kepada Syarikat Induk; atau
- Syarikat Bersekutu (*associate company*).

mempunyai pegangan saham dalam struktur saham syarikat yang memohon

10. Walau apa pun, Kerajaan berhak mempertimbangkan jumlah dana yang bersesuaian.

11. Skop pembiayaan Dana Mudahcara merangkumi:

- (i) pembinaan **infrastruktur asas** berdasarkan kepada sektor serta kemudahan lain yang didapati bersesuaian oleh Kerajaan; dan
- (ii) elemen *touch-point* yang memberi manfaat secara langsung kepada orang awam.

KAEDAH PENYALURAN DANA MUDAHCARA

12. Penyaluran Dana Mudahcara akan dibuat secara ***lump-sum reimbursable*** setelah keseluruhan projek (pelaburan swasta) disiapkan.

KAJIAN SEMULA DAN PINDAAN

13. Kerajaan berhak untuk mengkaji semula dan meminda garis panduan ini dari semasa ke semasa.

KAEDAH PERMOHONAN

14. Ringkasan Carta Aliran proses permohonan Dana Mudahcara adalah seperti di **Lampiran 1A**. Syarikat hendaklah mengemukakan kertas cadangan yang mengandungi maklumat permohonan seperti di **Lampiran 2**.

15. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok Podium
Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
62562 PUTRAJAYA
(u.p. Pengarah Seksyen Dana Mudahcara)


16. Sebarang pertanyaan berkenaan Dana Mudahcara hendaklah diajukan kepada:
Pengarah Seksyen Dana Mudahcara di talian: **03-8880 5936/5847/5884/5891/5995/5811/5980/5844/5895** atau faks: **03-8880 5996** atau E-mel:
feedback@ukas.gov.my.

17. Semua keputusan Kerajaan berkenaan permohonan Dana Mudahcara ini adalah muktamad.


SENARAI LAMPIRAN

- **Lampiran 1A** - Carta Aliran Proses Permohonan Dana Mudahcara
- **Lampiran 1B** - Carta Aliran Proses Perjanjian Dana Mudahcara
- **Lampiran 2** - Format Kertas Cadangan
 - **Lampiran 2A** - Format *Preliminaries Detailed Abstract* (PDA)
 - **Lampiran 2B** - Format Perincian Komponen Dana Mudahcara
 - **Lampiran 2C** - Akuan Bersumpah
 - **Lampiran 2D** - Akuan Bersumpah Kumpulan Profesional
 - **Lampiran 2E** - *Integrity Pact*
- **Lampiran 3** - Piagam Pelanggan

CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN DANA MUDAHCARA



CARTA ALIRAN PROSES PERJANJIAN DANA MUDAHCARA



FORMAT KERTAS CADANGAN

BIL	PERKARA	PERINCIAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN
1.	Profil syarikat	Ringkasan profil syarikat
2.	Pelan Perniagaan bagi projek yang akan dilaksanakan	a. Ringkasan Eksekutif Projek; b. Objektif pelaksanaan projek; c. Latar belakang dan perincian skop projek; d. Status terkini fasa kemajuan projek dan gambar terkini; e. Maklumat kos projek; f. Maklumat berkaitan tanah/tapak projek; <u>dan</u> g. Strategi pemasaran.
3.	Impak pelaburan/pelaksanaan projek	a. kesan ekonomi kepada negara serta sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK); b. kesan kepada ekonomi setempat (touch point rakyat); c. Peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan; d. Sumbangan kepada peningkatan daya saing ekonomi negara; <u>dan</u> e. Pengurusan risiko projek.
4.	Komponen Dana Mudahcara yang dipohon	Maklumat komponen Dana Mudahcara yang dipohon
5.	Dokumen kewangan projek yang terperinci	a. analisis IRR, ROE, ROI; <u>dan</u> b. aliran tunai projek.
6.	Senarai Lampiran	<u>LAMPIRAN A:</u> PERINCIAN PROFIL SYARIKAT a. Borang-borang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti: ▪ borang 9; ▪ borang 24; <u>dan</u> ▪ borang 49. b. Sebarang dokumen perjanjian usaha sama (<i>joint venture agreement</i>) yang ditandatangani

BIL	PERKARA	PERINCIAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
			untuk melaksanakan projek (sekiranya ada).
		LAMPIRAN B: JADUAL PELAKSANAAN PROJEK	a. <i>Jadual</i> pelaksanaan projek/ <i>construction timeline</i> mengikut fasa dalam versi <i>microsoft project</i> dengan menyatakan tarikh mula dibina dan tarikh projek siap dibina; b. <i>Layout plan</i> ; <u>dan</u> c. <i>Location plan</i> .
		LAMPIRAN C: KOS PROJEK	Nilai pelaburan swasta yang terlibat/kos projek dalam bentuk <i>Preliminaries Detailed Abstract</i> (PDA) yang telah disahkan oleh Jurutera/Juruukur Bahan bertauliah, Syarikat dan Arkitek; [Lampiran 2A]
		LAMPIRAN D: MAKLUMAT TANAH	a. salinan hak milik tanah; <u>atau</u> b. salinan sebarang perjanjian pajakan; <u>atau</u> c. salinan <i>Power Attorney</i> ; <u>atau</u> d. lain-lain dokumen berkaitan.
		LAMPIRAN E: MAKLUMAT DANA MUDAHCARA YANG DIPOHON	Kos dan Perincian kepada komponen Dana Mudahcara yang dipohon perlu disahkan oleh Jurutera/Juruukur Bahan Bertauliah, Syarikat dan Arkitek [Lampiran 2B]
		LAMPIRAN F: MAKLUMAT KEWANGAN PROJEK	a. Unjuran Aliran Tunai Projek (sebelum bantuan Dana Mudahcara); b. Unjuran Aliran Tunai Projek (dengan Bantuan Dana Mudahcara); c. <i>Payback period</i> ; d. <i>Project internal rate of return</i> (IRR);

BIL	PERKARA	PERINCIAN DOKUMEN YANG DIPERLUKAN	
			e. <i>Equity</i> IRR; f. <i>Return on investment</i> (ROI); <u>dan</u> g. <i>Return on Equity</i> (ROE)
		<u>LAMPIRAN G:</u> DOKUMEN KELULUSAN	Dokumen kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau agensi berkaitan
		<u>LAMPIRAN H:</u> AKUAN BERSUMPAH	Akuan Bersumpah [Lampiran 2C]
		<u>LAMPIRAN I:</u> AKUAN BERSUMPAH KUMPULAN PROFESSIONAL	Akuan Bersumpah Kumpulan Profesional [Lampiran 2D]
		<u>LAMPIRAN J:</u> SURAT AKUAN INTEGRITI	Surat Akuan Integriti [Lampiran 2E]

LAMPIRAN 2A

FORMAT DOKUMEN PRELIMINARIES DETAILED ABSTRACT (PDA)

PRELIMINARIES DETAILED ABSTRACT								
PROJECT NAME :								
COMPANY NAME :								
YEAR		TOTAL PROVISION						
		PROVISION FOR						
		CONSRUCTION RM						
BRIEF DESCRIPTION OF BUILDINGS								
BIL	BUILDING	FRAME	WALL	ROOF	FLOOR	CEILING	WINDOW	STANDARD
1								
2								
3								
BREAKDOWN OF PRELIMINARIES COST ESTIMATE								COST (RM)
1	PRELIMINARIES							
2	PILING/SPECIAL FOUNDATION							
	Type and Size							
a								
b								
	SUB TOTAL							
3	BUILDING	DRAWING NO.		FLOOR AREA, Sqft		COST/Sqft		
a								
b								
	SUB TOTAL							
4	INTERNAL SERVICES							
	(Example)							
a	Plumbing Installation							
b	Electrical Installation							
c	Fire Protection Installation							
d	Air Conditioning Installation							
e	Lift & Conveyor Installation							
f	Communication Installation							
	SUB TOTAL							
5	A. INFRASTRUCTURE WORKS (WITHIN BOUNDARY)							
	(Example)							
a	Roads,Hardstanding,							
b	Footpaths & Paving							
c	Surface Drainage							
d	Water Reticulation							
e	Sewerage							
f	Fencing & Gates							
g	Turfing & Soft Landscaping							
h	Elevated Water Tank							
i	Retaining Wall							
	SUBTOTAL							
	B. INFRASTRUCTURE WORKS (OUTSIDE BOUNDARY)							
	(Example)							
a	Acceleration and Deceleration (ACDC) Lanes							
b	Roadworks							

c	Link Bridge	
d	Main Water Supply Pipe	
e	Sewerage/STP	
f	Monsoon Drain	
	SUBTOTAL	
	C. ANCILLARY BUILDINGS	
	(Example)	
a	Surau	
b	Substation	
	SUBTOTAL	
	D. GREEN BUILDING INITIATIVES	
	(Example)	
a		
b		
	SUBTOTAL	
6	PROVISIONAL SUM / OTHER ITEM RELATED TO WORKS	
	(Example)	
a	Loose Furniture	
b	Signages	
	SUBTOTAL	
7	CONTRIBUTION COST	
	(Example)	
a	Tenaga Nasional Berhad	
b	Syarikat Bekalan Air	
c	Telekom Malaysia	
d	Indah Water	
e	PBT	
	SUBTOTAL	
8	PROFESSIONAL FEES	
	(Example)	
a	Architect	
b	Civil & Structural Engineer	
c	Mechanical Engineer	
d	Electrical Engineer	
e	Quantity Surveyor	
	SUBTOTAL	
9	TOTAL (CONSTRUCTION COST) ITEM 1 TO 8	
	Total Floor Area, sqft :	Cost / Sqft :
TOTAL GROSS DEVELOPMENT (GDC) (ITEM 9 + ITEM 10)		
Quantity Surveyor	Architect/Engineer	Developer
Date	Date	Date

FORMAT PERINCIAN KOMPONEN DANA MUDAHCARA YANG DIPOHON

DETAILS BREAKDOWN FOR FACILITATION FUND COMPONENTS

PROJECT NAME :

COMPANY NAME :

Item	Description of Work	Unit	Quantity	Rate (RM)	Amount (RM)
4A	INFRASTRUCTURE WITHIN BOUNDRY				
a					
b					
c					
d					
e					
f					
g					
4B	INFRASTRUCTURE OUTSIDE BOUNDRY				
a					
b					
c					
d					
e					
f					
g					
4C	GREEN BUILDING INITIATIVES				
a					
b					
c					
d					
e					
F					
g					
TOTAL FACILITATION FUND APPLIED				RM00.00	
% FACILITATION FUND/ PROJECT COST				0%	
Quantity Surveyor:		Architect:		Developer:	
Date:		Date:		Date:	

AKUAN BERSUMPAH

Saya, (Nama)* dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan dalam permohonan ini adalah benar dan saya membuat akuan ini dengan kepercayaan bahawa akuan ini adalah benar, serta menurut kuasa peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan sebenar-benarnya diakui oleh yang tersebut namanya di atas
.....
.....
di
di Negeri
pada hari bulan20.....

Di hadapan saya,

.....
(Tandatangan Hakim
Mahkamah Sesyen, Majistret
atau Pesuruhjaya Sumpah)

Nota: * Ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat.

AKUAN BERSUMPAH KUMPULAN PROFESIONAL

Saya.....Jurutera/Juruukur Bahan bertauliah dengan No. Pendaftaran mengesahkan bahawa maklumat yang dikemukakan dalam perkiraan/ lukisan/ reka bentuk /spesifikasi projek ini telah dibuat oleh saya atau di bawah seliaan dan arahan saya serta dalam pengetahuan saya berdasarkan Piawaian, Tatacara Kod & Etika yang berkaitan serta undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa.

Yang Benar,

(Tandatangan)

.....
(NAMA dan No. K.P)

Cop rasmi tauliah :

INTEGRITY PACT
SURAT AKUAN INTEGRITI
(Integrity Pact)

Dana Mudahcara bagi Projek _____

Saya, (Nama Wakil Syarikat) nombor K.P./MYKad (000000 – 00 – 0000) yang mewakili (Nama Syarikat) nombor pendaftaran (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Kerajaan atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan atau penyaluran Dana Mudahcara, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Kerajaan atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan atau penyaluran Dana Mudahcara, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1. penarikan balik kelulusan Dana Mudahcara di atas; atau
- 2.2. penamatan pembiayaan atau pembayaran balik Dana Mudahcara kepada Kerajaan; atau
- 2.3. lain-lain tindakan undang-undang sedia ada.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk sebarang tujuan berkaitan dengan kelulusan atau penyaluran Dana Mudahcara, sama ada sebelum, selepas atau semasa proses penilaian dijalankan, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

(Tandatangan)

(NAMA dan No. K.P)

Cop Syarikat :

Nota:

***Catatan: Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan/ Pengarah Eksekutif**

PIAGAM PELANGGAN

1. Akuan Penerimaan Permohonan akan dikeluarkan kepada syarikat pemohon dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh permohonan diterima.
2. Permohonan yang tidak lengkap akan dimaklumkan kepada syarikat dalam masa 14 hari daripada tarikh permohonan.
3. Penilaian oleh Urus setia dalam masa 30 hari selepas cadangan yang lengkap diterima.
4. Penilaian kertas cadangan projek yang lengkap oleh pihak Urus setia untuk perakuan UKAS, JPM akan dibuat dalam masa 30 hari daripada tarikh semakan. Syarikat pemohon juga boleh diminta untuk memberi taklimat kepada JKAS di dalam tempoh ini, jika perlu.
5. Permohonan yang diperakukan oleh UKAS, JPM akan diangkat untuk kelulusan Y.A.B. Perdana Menteri dalam tempoh 7 hari daripada tarikh perakuan oleh Ketua Pengarah UKAS, JPM.
6. Kelulusan Y.A.B. Perdana Menteri akan dimaklumkan kepada syarikat pemohon dengan salinan kepada Pentadbir Dana dalam masa 7 hari selepas tarikh kelulusan.